

PRU13 Penting Untuk Tentukan Destini Negeri Sabah, Malaysia - Najib Bernama
23 April, 2013

BONGAWAN, 23 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pilihan raya umum ke-13 bukan sebarang pilihan raya kerana ia akan menentukan destini negeri Sabah dan Malaysia pada keseluruhannya.

Oleh itu, Najib yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN) mengajak rakyat negeri ini untuk memberi kemenangan besar kepada BN pada pilihan raya 5 Mei ini, sekali gus memastikan wujudnya kerajaan yang kuat dan stabil.

"Sama ada kita hendak Sabah ini aman makmur dan merdeka atau kita hendak pembangkang yang bawa begitu banyak keadaan tidak menentu yang amat kita sangsi pendirian mereka, kita perlu membuat pilihan yang bijak.

"Marilah kita bersama sama menentukan bahawa keputusan yang kita buat pada 5 Mei nanti menentukan kerajaan yang kuat dan stabil. Datuk Seri Anifah Aman sebagai Menteri Luar tahu bahawa Malaysia dihormati kerana kita ada kerajaan yang kuat dan stabil," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat di Padang Bongawan, dekat sini Selasa.

Najib berkata ketua-ketua kerajaan luar negara termasuk Presiden Amerika Syarikat Barack Obama menghormati Malaysia kerana negara ini dilihat sebagai sebuah negara yang aman, stabil dan kuat.

Beliau berkata para pelabur luar negara juga datang ke negara ini "kerana yakin kita ada sebuah kerajaan yang stabil dan kuat".

"Saham kita naik dengan begitu ketara...rekod peningkatan kerana keyakinan terhadap kerajaan yang ada. Bila kita dapat menambah pelaburan dan menambahkan kekayaan negara, saham kita naik, cukai kita bertambah kita bagi balik kepada rakyat Malaysia.

"Kita beri Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada rakyat Malaysia. Bukan sekadar BR1M 1, BR1M 2, tapi tahun depan BR1M 3 dan 4, terus bertambah naik daripada RM500 untuk kesejahteraan rakyat. Inilah kerajaan yang berpandukan rakyat dan pembangkang pula nak hapuskan BR1M.

"BR1M lebih baik daripada kurangkan harga minyak. Harga minyak kurang, hanya orang berkereta besar sahaja untung. Orang yang jual minyak di sempadan yang untung tapi kalau beri BR1M, semua rakyat akan untung...inilah kerajaan BN, kita buat yang terbaik untuk rakyat," katanya.

Najib berkata kerajaan persekutuan mempunyai hubungan yang baik dengan kerajaan Sabah dan juga memuji kepimpinan Datuk Seri Musa Aman.

"Saya tertarik dengan dia (Musa) punya kad laporan. Rakyat harus membacanya kerana ini ialah kejayaan kerajaan negeri dan kita sokong sepenuhnya. Banyak peruntukan kita telah luluskan dalam bajet dan luar bajet pun kita bagi juga dan tambah lagi.

"Bagi kawasan Kimanis, kita akan buat kemudahan sukan untuk golongan muda. Saya cadangkan kita mula dengan gelanggang bola yang buat rumput tiruannya. Anifa kata kawasan sini tiada bank, maka kita akan wujudkan Bank Simpanan Nasional (BSN) di sini. Banyak lagi kita boleh buat tetapi tunggu selepas 5 Mei," katanya.

Oleh itu, Najib mahu rakyat Sabah khususnya anggota BN di negeri ini bersatu dan bekerja kuat demi mencapai kemenangan.

"Pakatan tidak boleh berpakat. PAS lawan sama PKR (termasuk di Labuan), calon pembangkang pun tidak boleh pakai dalam satu kapal ada tiga nakhoda. Mana boleh, falsafah yang berbeza, tiada rekod prestasi, dulu cakap lain, hari ini cakap lain, janji bohong saja, ini tidak boleh pakai.

"Cuma kita boleh sokong pasukan BN. Pastikan 5 Mei nanti bumi Sabah kembali kepada Barisan Nasional," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944596>